

# Atlet Paralimpik diingat usah lupa asal usul

➔ Perlu sentiasa berpijak di bumi nyata tanpa cepat berpuas hati dengan pencapaian semasa mereka: Khairy

Oleh Naqib Nor Said

naqib@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**A**tlet Paralimpik yang kini berada di puncak kesasyhuran diingatkan agar tidak lupa asal usul mereka dan sentiasa berpijak di bumi yang nyata tanpa cepat berpuas hati dengan pencapaian semasa mereka.

Peringatan itu diluahkan Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar yang mahu atlet terbabit tidak lupa akan usul mereka hingga berubah sikap.

Malah, Khairy berharap imbuhan jutaan ringgit diterima tiga jutawan muda - Mohamad

Ridzuan Mohamad Puzi, Abdul Latif Romly dan Ziyad Zolkefli - serta Siti Noor Radiah Ismail hendaklah dijadikan sebagai pembakar semangat untuk lebih berjaya ketika kehidupan mereka kini berputar 360 peratus.

"Hari ini (semalam) pesanan saya kepada semua atlet teru-

tama kepada empat atlet ini tololng jangan lupa asal usul dari mana anda datang. Jangan sehingga kejayaan ini mengaburi mata anda.

"Ziyad ingatlah jerit-perit anda ketika menjual koew teow dulu.. Ridzuan jangan sekali lupa bagaimana jurulatih anda mula mengesan bakat anda dan sewaktu mendapat kasut pertama," katanya pada Majlis Penyerahan Sumbangan Kepada

Pemenang Pingat Sukan Paralimpik Rio 2016 di Menara Naza di sini, semalam.

## Cabar baharui rekod

Dalam pada itu, Khairy turut mencabar keempat-empat ikon baharu sukan tanah air itu memperbaharui rekod yang dicipta di Paralimpik Rio 2016 sewaktu Sukan SEA dan Sukan Para Asean Kuala Lumpur tahun depan.

Abdul Latif dan Muhammad Ziyad muncul penerima tertinggi Skim Hadiah Kemenangan Sukan

(SHAKAM) bernilai RM1.05 juta selepas masing-masing meraih pingat emas di Sukan Paralimpik Rio 2016, September lalu.

Malah, Abdul Latif dan Muhammad Ziyad turut mencipta rekod baru kejohanan dan re-

kod baru dunia dalam acara masing-masing iaitu lompat jauh dan lontar peluru kategori F20 membolehkan mereka menerima imbuhan tambahan berjumlah RM50,000 setiap seorang secara keseluruhannya.

Seorang lagi pemenang pingat emas acara 100 meter T36, Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi menerima RM1.02 juta selain insentif tambahan berjumlah RM20,000 selepas berjaya memperbaharui rekod Sukan Paralimpik.

Siti Noor Radiah yang menyumbang gangsa dalam acara lompat jauh T20 pula menerima RM100,000 dengan insentif tambahan sebanyak RM200,000 sumbangan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).



**Khairy bersama Pegawai Eksekutif Naza Corporation Holding, SM Nasarudin Nasimuddin** (kiri) serta atlet Paralimpik melihat replika kediaman Trio888, semalam.



## Naza tunai janji

**Atlet Paralimpik bersama kereta Kia Sportage** sumbangan Naza Corporation Holdings pada Majlis Penyerahan Sumbangan Kepada Pemenang Pingat Sukan Paralimpik Rio 2016 di Menara Naza, semalam. Turut hadir, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi (empat dari kiri), isterinya yang juga Penuang Majlis Paralimpik Malaysia, Tun Jeanne Abdullah (enam dari kiri), Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar (dua kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat itu, SM Nasarudin Nasimuddin (kanan). **Ms.48**